

ISLĀMIYYĀT 38(2) 2016: 141 - 148  
 (<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2016-3802-06>)

## Pencerakinan Kajian Istilah dan Terjemahan BERNAMA Arab ke Bahasa Melayu dan Inggeris

Assaying of BERNAMA Arabic Terminology Study and Translation into Malay and English Languages

NOOR SYAFIQAH AHAMADI PALAH  
 ZAMRI ARIFIN

### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan aspek kajian istilah dan terjemahan yang dilakukan pada BERNAMA Arab ke bahasa Melayu dan juga Inggeris sebagai medan pembelajaran bagi pelajar bidang pengkhususan bahasa dan kesusasteraan Arab masa kini. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti ketepatan penggunaan istilah dari BERNAMA Arab ke bahasa Melayu dan Inggeris, di samping menterjemahkan teks BERNAMA Arab dalam semua aspek ke bahasa Melayu dan Inggeris. Artikel ini juga bertujuan untuk memaparkan padanan istilah dari BERNAMA Arab ke istilah bahasa Melayu dan Inggeris. Keseluruhan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasi analisis kandungan seperti rujukan bahan ilmiah utama berdasarkan buku, kamus dan jurnal, di samping bahan utama daripada internet melalui tapak web BERNAMA.com dan tapak web lain yang berkaitan dengannya. Dapatan kajian menunjukkan padanan istilah dipadankan mengikut kesesuaian makna dan secara langsung turut memaparkan istilah yang dapat membantu khalayak pembaca memahami istilah yang sering diguna pakai. Selain itu, hasil kajian menunjukkan terdapat perkataan yang mempunyai istilah yang sama dan makna yang sama, gaya bahasa yang membawa maksud yang berlainan serta kata nama khas. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan impak yang positif dan menyumbang kepada pemugaran pembelajaran bahasa Arab secara maya dengan lebih efektif.*

*Kata kunci: Kajian istilah; terjemahan Arab-Melayu-Inggeris; pembelajaran bahasa berasaskan web*

### ABSTRACT

*This article discusses the aspect of terminology study and translation of BERNAMA Arabic into Malay and English languages as a learning field for students specializing in the area of current Arabic language and literature. The research objective is to examine the accuracy of terminology usage from BERNAMA Arabic into Malay and English languages, and the translation BERNAMA Arabic text in all aspects into Malay and English languages. The purpose of this article is also to show the matching terminology from BERNAMA Arabic with Malay and English terminologies. On the whole, this research uses qualitative methodology in applying content analysis of primary reference material based on books, dictionaries and journals, besides primary reference materials from the internet website BERNAMA.com and other related websites. Research findings show that terminologies are matched according to their appropriate meanings and directly show terminology which enables the reading public to understand the terms frequently used. In addition, research results show that there are words that have the same terms and meanings, language styles which carry different meanings as well as proper nouns. It is hoped that research results will have a positive impact and contribute to the restoration of learning Arabic language in a more effective virtual way.*

*Keywords: Terminology study; Arabic-Malay-English translation; web-based language learning*

### PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan bahasa utama yang digunakan oleh kebanyakan sasterawan Islam dalam mendalami ilmu agama. Penggunaan bahasa ini bersesuaian dengan bahasa yang diguna pakai dalam dua sumber rujukan utama dalam Islam, iaitu al-Qur'an dan al-Hadith khususnya yang berkaitan dengan bidang fiqh. Hal ini menjadi titik tolak utama dalam menyerlahkan lagi kehebatan dan keunggulan bahasa

Arab. Penggunaan bahasa Arab mempunyai hubungan yang progresif antara pengetahuan bahasa dan kesempurnaan dalam memahami teks bahasa Arab. Relatif dengan itu, bahasa Arab mempunyai keperluan yang khusus dalam menyampaikan sesuatu perkara.

Bahasa Arab merupakan antara bahasa yang diguna pakai di Malaysia. Ini berikutan hasil tersebarnya Islam di seluruh pelosok dunia yang menyebabkan bahasa ini dipertuturkan oleh umat Islam ketika beribadat. Walaupun terdapat kesukaran

dalam menentukan padanan makna yang sesuai, namun tidak mustahil untuk mencari makna yang tepat bagi sesuatu istilah dari bahasa Arab kepada bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Pendidikan mengenai terjemahan istilah pada masa kini tidak begitu diberikan perhatian dalam pengajaran bahasa. Dalam mempelajari bahasa asing, bahasa ibunda tidak sewajarnya diabaikan. Berdasarkan permasalahan ini, persoalan kajian yang timbul ialah: adakah terjemahan sesuatu istilah itu mampu menampilkan padanan makna yang sesuai? Bagi menjawab persoalan kajian di atas, kajian ini bertujuan untuk:

1. Meneliti ketepatan penggunaan istilah dari BERNAMA Arab ke bahasa Melayu dan Inggeris.
2. Menterjemahkan teks BERNAMA Arab dalam semua aspek ke bahasa Melayu dan Inggeris.
3. Memaparkan padanan istilah dari BERNAMA Arab ke istilah bahasa Melayu dan Inggeris.

Metode yang digunakan dalam kajian ini ialah metode kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan seperti rujukan bahan ilmiah utama berdasarkan buku dan jurnal dan lain-lain rujukan seperti kamus, di samping bahan utama daripada internet melalui tapak web tertentu seperti BERNAMA.com dan tapak web lain yang berkaitan dengannya.

Beberapa kajian terdahulu berkenaan kajian istilah dan terjemahan dalam pembelajaran bahasa Arab, yang berkaitan dengan aspek komunikasi, pembelajaran berasaskan web dan internet, strategi pembelajaran, kajian pendefinisian, kajian istilah berasaskan akhbar Arab, kemahiran bertutur, kajian istilah Arab dalam bidang fiqh serta kajian padanan istilah, pernah dilakukan oleh para pengkaji seperti Abd Halim (2009), Amirruddin (2009), Anida (2003), Intan Nurul Izza (2009), Kamarul Shukri (2007), Mastura dan Kaseh (2012), Nur Aini (2008), Tengku Fatimah Muliana et al. (2014), Zulkifli (2010) dan juga Junaini et al. (2014).

## BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia atau ringkasnya BERNAMA, sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen 1967 dan mula beroperasi pada Mei 1968. Badan ini bertindak sebagai sebuah Majlis Penyeliaan yang terdiri daripada lima anggota yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Badan ini diwujudkan untuk mengawasi supaya BERNAMA berpandukan

peruntukan Akta dalam melaksanakan objektif-objektifnya. BERNAMA dikelolakan oleh sebuah Lembaga Pengelola yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Anggota-anggota Lembaga terdiri daripada seorang Pengerusi, enam wakil Kerajaan Persekutuan dan enam wakil akhbar yang melanggan dengan BERNAMA. Mereka mempunyai anggota gilir masing-masing yang juga dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pengurusan BERNAMA diketuai seorang Pengurus Besar yang dibantu oleh sebuah Jawatankuasa Pengurusan dalam melaksanakan sebuah program dan aktiviti agensi serta keputusan-keputusan Lembaga Pengelola. BERNAMA mempunyai pejabatnya di semua negeri di Malaysia dan perwakilannya di Singapura dan Jakarta dan *retainer* di Washington, London, Manila, New Delhi, Dhaka, Melbourne dan Vancouver. Seluruh operasi BERNAMA menggunakan komputer dan ia memberikan perkhidmatan berita am dan ekonomi dan perkhidmatan layar maklumat kewangan tepat masa kepada pelanggan-pelanggannya di Malaysia dan Singapura (<http://www.bernama.com/aboutbernama/bm/mengenai-bernama.htm>).

Peranan BERNAMA sebagai sumber berita yang terkini dan boleh dipercayai amat dikenali dalam kalangan media tempatan dan asing, agensi-agensi kerajaan, swasta, universiti dan individu di negara ini. Kebanyakan akhbar dan media elektronik di Malaysia dan agensi-agensi berita asing adalah pelanggan-pelanggan BERNAMA. BERNAMA beroperasi dalam industri maklumat yang bukan sahaja berdaya saing tetapi juga berpotensi besar untuk berkembang. Sebelum ini, berita dan maklumat yang dikeluarkan oleh BERNAMA hanya dalam bentuk teks dan gambar tetapi dengan kewujudan unit audio-visual atau dikenali sebagai BERNAMA TV pada September 1998, ia kini boleh diperolehi juga dalam bentuk visual.

BERNAMA sentiasa menjalankan penyelidikan bertujuan untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatannya yang antara lain termasuk Perkhidmatan Maklumat Kewangan Tepat-Masa, berita tepat-masa dan perkhidmatan perpustakaan (pangkalan data). Penghantaran siaran akhbar atau maklumat secara global dan pengurusan acara, foto dan audio visual serta internet telah membuka peluang baru bagi BERNAMA menyalurkan perkhidmatan berita dan maklumatnya secara langsung kepada orang ramai. Ini dilakukan melalui laman webnya sendiri atau laman-laman web yang lain. Bagi mencapai kejayaan jangka panjang yang berterusan,

pelaburan yang berterusan dan kemajuan perniagaan ialah antara perkara yang amat penting kepada BERNAMA (<http://www.bernama.com/aboutbernama/bm/mengenai-bernama.htm>).

BERNAMA mengamalkan penggunaan dua bahasa secara serentak, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris. Kedua-dua bahasa ini digunakan untuk membuat laporan dan mengirimkan berita kepada para pelanggannya yang terdiri daripada Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), akhbar dalam negeri, agensi kerajaan, kedutaan-kedutaan, agensi berita asing, bank dan sebagainya (Mohd Jamil 1979: 108).

Semua pemberita BERNAMA akan melaporkan berita dalam bahasa yang digunakan oleh pihak sumber, sama ada dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat bahasa lain, pemberita akan turut melaporkan di dalam Bahasa Inggeris sebagai bahan terjemahan. BERNAMA mempunyai kaitan yang sangat rapat dalam bidang terjemahan. Terjemahan memainkan peranan penting dalam dunia arus globalisasi pada masa ini. Aktiviti mentafsir makna sesuatu teks ialah menghasilkan makna dalam dalam yang lain.

Semua berita yang diterima daripada pelbagai tempat akan disunting terlebih dahulu di dalam bahasa asalnya. Kemudian, satu salinan berita yang telah disunting akan diberikan kepada penyunting lain untuk diterjemahkan semula. Ini menunjukkan setiap langkah kerja perterjemahan di BERNAMA akan dilakukan pada peringkat akhir. Semua berita yang dicatat sama ada yang datang dari daerah, ibu negeri atau ibu pejabat akan terus disalurkan kepada meja penyunting. Ini kerana penyunting bertugas sebagai *gate keeper* kepada BERNAMA dan juga menjadi pusat perterjemahannya. Penyunting juga dikenali sebagai penterjemah di bahagian ini (Mohd Jamil 1979: 108).

#### ISTILAH BAHASA ARAB-INGGERIS-MELAYU

Dalam melakukan beberapa peminjaman istilah bahasa Arab, terdapat beberapa faktor antaranya ialah seperti kekurangan istilah dalam bahasa Melayu merupakan faktor mengapa peminjaman berlaku untuk menyampaikan makna dan konsep yang dikehendaki. Perkembangan istilah bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh kata pinjaman dari bahasa asing seperti Sanskrit, Arab, Latin, Inggeris dan Belanda. Sekiranya diteliti, bidang pengkhususan fiqh banyak menggunakan kata pinjaman atau istilah daripada bahasa Arab kerana kaitan bahasa dengan

agama yang dianuti dan kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an. Dengan adanya istilah pinjaman dari bahasa asing, bahasa Melayu menjadi semakin mudah untuk membincangkan sesuatu perkara atau ilmu pengetahuan (Zuraini 2002: 24).

Selain itu, peminjaman istilah juga terjadi antaranya ialah kerana apabila sesuatu perkataan diterjemahkan, maksudnya menjadi terlalu panjang. Contohnya, istilah *qasar* ialah 'kelonggaran yang dibenarkan bagi musafir untuk memendekkan solat fardu empat rakaat kepada dua rakaat' (*Kamus Dewan* 2005: 1261) dan perkataan sembahyang diertikan sebagai 'perbuatan menyembah Allah SWT' (*Kamus Dewan* 2005: 1435). Ini jelas menunjukkan penggunaan istilah dari bahasa Arab lebih menepati maksud dalam pengurusan keagamaan. Perkembangan ini juga telah wujud seiring dengan faktor masa dan sejarah semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan hubungan langsung yang dijalankan di antara penduduk khususnya di Melaka dengan pedagang dari India dan Arab melalui sistem perdagangan (Zuraini 2002: 24).

Istilah bahasa Arab ke bahasa Melayu dan Inggeris tidak hanya tertumpu dalam satu bidang ilmu sahaja, malah ia turut mencakupi bidang yang lain. Keadaan ini menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang bersifat universal, iaitu yang bersifat lebih meluas serta turut membantu dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa seperti bahasa Inggeris. Selaras dengan hasrat untuk menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa tinggi dan bahasa ilmu moden, penciptaan istilah dalam pelbagai bidang amat diperlukan untuk menambahkan pengetahuan dalam kalangan orang ramai dengan melakukan terjemahan yang tepat ke bahasa Melayu dan juga Inggeris. Kepentingan istilah dalam mengungkap dan menyampaikan ilmu baru dalam bidang tertentu diungkapkan oleh Menteri Sains dan Teknologi Afrika Selatan dalam Persidangan Peristilahan Antarabangsa *Terminology in Advanced Management Applications* 2003 di Afrika Selatan (Junaini 2007) sebagai, "*no knowledge without term*". Manakala menurut Hassan (2000) pula, selagi manusia memerlukan bahasa, selagi itulah mereka akan terus memerlukan istilah.

Kajian ini memilih istilah yang menurutnya sesuai dengan konsep yang didukung oleh istilah dalam bahasa sumber. Diharapkan kajian ini dapat menjadi perintis kepada kaedah penggubalan dan penterjemahan istilah bahasa Arab ke bahasa Melayu dan juga Inggeris dengan menggunakan sistem yang lebih cepat, tepat dan selaras dengan memenuhi piawaian yang ditetapkan, sekali gus menjadi pelengkap kepada sistem pembinaan istilah.

### KATEGORI ISTILAH DALAM BERNAMA.COM

Dalam menghasilkan terjemahan istilah dari bahasa sumber, terdapat beberapa kategori yang mengenai istilah bahasa Arab telah dikumpulkan melalui laman web BERNAMA.com di (<http://www.bernama.com/>). Istilah yang diambil ini dikeluarkan dan merangkumi tiga bahasa, iaitu bahasa Arab, Melayu dan juga Inggeris. Padanan yang sesuai

telah diambil berdasarkan kesesuaian dan ketepatan makna daripada ketiga-tiga teks berita tersebut. Ini bertujuan bagi memudahkan proses penterjemahan petikan yang diambil daripada BERNAMA Arab. Menurut Asmah (2002), istilah yang dibentuk oleh masyarakat pengguna lebih cepat diterima oleh masyarakat. Kategori tersebut terbahagi kepada beberapa aspek, iaitu dari segi bantuan dan bencana, sosial, ekonomi, pemerdagangan dan keganasan.

JADUAL 1. Jenis Bencana dan Bantuan

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Bahasa Arab
willingness to help	kesediaan mereka	تقديم المساعدات
solve the issue	menyelesaikan isu	تسوية قضية
type of assistance needed	bentuk bantuan	صورة مطولة
willing to take	bersedia mengambil	مستعدة لاستقبال
consider such a move	menimbangkan langkah	لاتخاذ خطوات
offer help	tawar bantuan	ستقدمان المساعدات
earthquake	gempa bumi	هزة أرضية
earthquake	gempa bumi	ضرب الزلزال
local time	waktu tempatan	التوقيت المحلي
people screamed	penduduk menjerit	السكان يصرخون
open spaces	kawasan terbuka	المساحات المفتوحة
powerful aftershocks	gegaran kuat	هزة قوية

SUMBER. <http://www.bernama.com/arabic/v2/>

(Teks mengenai bencana dan bantuan telah diakses pada 25 Mei 2015 jam 5.08 pm dan 26 Mei 2015 jam 9.00 pm)

JADUAL 2. Jenis Pemerdagangan

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Human Trafficking	Pemerdagangan Manusia	الاتجار بالبشر
Movement of People	Pergerakan Manusia	تحركات الناس
Discuss The Issue	Membincangkan Isu	مناقشة قضية
Foreign Affairs Ministry	Kementerian Luar Malaysia	وزارة الخارجية الماليزية
Human Trafficking	Pemerdagangan Manusia	تهريب بشر
Trafficking Syndicate	Sindiket Pemerdagangan	ضحايا تهريب
Malaysian's Police	Polis Malaysia	الشرطة الماليزية
Bordering	Bersempadan Dengan	حدود مشتركة
Inspector General Of Police	Ketua Polis Diraja	المفتش العام للشرطة الملكية
Temporary Camps	Kem Sementara	خيمة مؤقتة
Trafficking Syndicates	Sindiket Pemerdagangan	مهربو بشر

SUMBER. <http://www.bernama.com/arabic/v2/>

(Teks mengenai pemerdagangan telah diambil pada 19 Mei 2015 jam 1.37 pm dan pada 26 Mei 2015 jam 12.02 pm)

JADUAL 3. Jenis Keganasan

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Combating Terrorism	Perangi Keganasan	مكافحة الإرهاب
United Nations Security	Majlis Keselamatan	مجلس الأمن الدولي
Domestic Legislation	Undang-Undang Domestik	التشريعات المحلية
Ministerial Open Briefing	Taklimat Terbuka Peringkat Menteri	الإحاطة الوزارية المفتوحة
Foreign Terrorist Fighters	Pejuang Penganas Asing	المقاتلين الإرهابيين الأجانب
United Nations Security Council	Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa Bersatu	مجلس الأمن الدولي
Home Minister	Menteri Dalam Negeri	وزير الداخلية
Foreign Terrorist Fighters	Pejuang Penganas Asing	تحركات المقاتلين المعنيين
Issues Of Terrorism	Isi Keganasan	قضية الإرهاب
Violent Extremist	Keganasan Pelampau	التطرف
Islamophobia	Islamofobia	الإسلاموفوبيا
Reject Terrorism	Menolak Keganasan	نبد الإرهاب

SUMBER. <http://www.bernama.com/arabic/v2/>

(Teks mengenai keganasan telah diambil pada 26 Mei 2015 jam 11.18 pm)

JADUAL 4. Jenis Ekonomi

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Bahasa Arab
To Explore Opportunities	Untuk Meneroka Peluang	لاجل تنقيب فرص
Business Ties	Hubungan Perniagaan	العلاقة التجارية
Chief Executive Officer	Ketua Pegawai Eksekutif	رئيس الشركة
Exchange Ideas	Bertukar-tukar Idea	تبادل الاراء
Water Project	Projek Air	مشروع المياه
Power Project	Kuasa Bebas	الطاقة الحرة
Paddy Production	Pengeluaran Padi	إنتاج الأرز
Development Authority	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda	هيئة تنمية الزراعة الماليزية
The Muda Agricultural	Institut Penyelidikan Pertanian	مؤسسة البحوث الزراعية
Agricultural Research Institute	Membantu Meningkatkan	لأجل تعزيز
Increase Paddy Output	Pengeluaran Bermutu Tinggi	ذات الجودة العالية
High Quality Paddy Production	Memorandum Persefahaman	مذكرة التفاهم
Memorandum Of Understanding	Hubungan Kerjasama	علاقات تعاون
Cooperative relationship	Sukuk	إصدار الصكوك
Sukuk	Meningkatkan Status	تعزز مكانة
Strengthen's Position	Pusat Kewangan Islam	مركز للمالية الاسلامية
Islamic Financial	Perdana Menteri	رئيس الوزراء
Prime Minister	Sukuk Global	الصكوك العالمية
Global Sukuk	Perhimpunan Bulanan	الاجتماع الشهري
Monthly Gathering	Menteri Kewangan	وزارة المالية
Finance Ministry's	Memenuhi Matlamat	لملى هدف
Fulfils Objective	Aras Yang Baharu	معيار جديد
A New Benchmark	Sijil Amanah	شهادة أمانة
Trust Certificates	Menarik Minat Pelabur	جذب المستثمرين
Attracting An Aggregate Interest		

SUMBER. <http://www.bernama.com/arabic/v2/>

(Teks mengenai ekonomi telah diambil pada 15 Mei 2015 jam 4.18 pm, 27 Mei 2015 jam 3.45 pm, 20 Mei 2015 jam 8.54 pm dan 20 Mei 2015 jam 9.15 pm)

JADUAL 5. Jenis Sosial

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Official Visit	Lawatan Rasmi	زيارة رسمية
Bilateral Meetings	Mesyuarat Dua Hala	اجتماع ثنائي
Regional Issues	Isu-Isu Serantau	قضايا التعاون الإقليمي
International Issues	Isu-Isu Antarabangsa	قضايا التعاون الدولي
Mutual Concern	Kepentingan Bersama	الاهتمام المشترك
Malaysian Delegation	Delegasi Malaysia	الوفد الماليزيا
Platform For The Organisation	Wadah Negara Anggota	منصة للدول الأعضاء
The Way Forward	Hala Tuju	النهج
Issues Related	Isu-Isu Berkaitan	القضايا المتعلقة
Joint Vision	Wawasan Bersama	رؤية مشتركة
Strengthen Tolerance	Memperkukuhkan Toleransi	تعزيز التسامح

SUMBER. <http://www.bernama.com/arabic/v2/>

(Teks mengenai sosial telah diambil pada 13 Mei 2015 jam 3.52 pm, 27 Mei 2015 jam 3.20 pm, 26 Mei 2015 jam 11.20 am dan 24 Mei 2015 jam 4.20 pm)

JADUAL 6. Jenis Kata Nama Khas

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Saudi Electricity Firm	Syarikat Elektrik Saudi	السعودية في مجال الكهرباء
Tenaga Nasional Berhad	Tenaga Nasional Berhad	شركة طاقة الوطنية الماليزية
Malaysia's Prime Minister	Perdana Menteri Malaysia	رئيس الوزراء الماليزي
Director In Political Affairs	Pengarah Jabatan Hal Ehwal Politik	مدير إدارة الشؤون السياسية
Department		
Muslim Minorities Department	Ketua Jabatan Minoriti Muslim	رئيسة شؤون الأقليات
Department		
Director Of Information	Pengarah Jabatan Hal Ehwal Maklumat	مدير إدارة الشؤون السياسية
Council Of Foreign Ministers	Majlis Menteri-Menteri Luar	اجتماع مجلس وزراء الخارجية
Organisation Of Islamic Cooperation	Pertubuhan Kerjasama Islam	منظمة التعاون الإسلامي
Platform For The Organisation	Wadah Negara Anggota	منصة للدول الأعضاء
Transport Minister	Menteri Pengangkutan	وزير النقل
Foreign Affairs And Trade	Menteri Hal Ehwal Luar Dan	وزير الخارجية والتجارة المجري
Minister	Perdagangan	
Foreign Affairs Minister	Kementerian Luar Malaysia	وزارة الخارجية الماليزية
Deputy Prime Minister	Timbalan Perdana Menteri	نائب رئيس الوزراء
Malaysian Police	Polis Diraja Malaysia	الشرطة الملكية الماليزية
Inspector-General Of Police	Ketua Polis Negara	المفتش العام للشرطة
The Muda Agricultural	Lembaga Kemajuan Pertanian	هيئة تنمية الزراعة الماليزية
Development Authority	Muda	
Agricultural Research Institute	Institut Penyelidikan Pertanian	مؤسسة البحوث الزراعية
Finance Ministry's	Menteri Kewangan	وزارة المالية
United Nations Security Council	Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa Bersatu	مجلس الأمن الدولي
University Sains Malaysia Hospital	Hospital Universiti Sains Malaysia	المستشفى الجامعة العلوم الماليزية

SUMBER. <http://www.bernama.com/arabic/v2/>

(Teks ini adalah gabungan dari kesemua teks yang diambil bermula dari 3 Mei sehingga 20 Jun 2015)

Tatacara pembentukan istilah di Malaysia adalah menurut tatacara yang telah ditetapkan oleh Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), iaitu kerja peristilahan hendaklah bermula dengan konsep. Oleh sebab matlamat utama dalam kerja peristilahan ialah menghasilkan istilah yang dapat mewujudkan konsep dengan tepat, jitu, dan mudah dieja atau disebut, dapat mewujudkan kata terbitan dan betul dari segi tatabahasanya, lantas istilah perlu digubal dan dibentuk secara sedar dan terancang. Sebelum tahun 2004, pedoman yang diguna pakai adalah berdasarkan tujuh langkah berikut. Langkah berikut juga boleh digunakan dalam mencari padanan istilah yang tepat dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dan Inggeris (Asmah 2002: 22):

1. Langkah 1 - Pilih kata dalam bahasa Melayu yang lazim digunakan.
2. Langkah 2 - Pilih kata dalam bahasa Melayu yang sudah tidak lazim digunakan.
3. Langkah 3 - Pilih kata dalam bahasa serumpun yang lazim digunakan.
4. Langkah 4 - Pilih kata dalam bahasa serumpun yang tidak lazim digunakan.
5. Langkah 5 - Pilih kata dalam bahasa Inggeris.
6. Langkah 6 - Pilih kata dalam bahasa asing lain.
7. Langkah 7 - Pilih yang terbaik antara 1-6.

Istilah 1-4 hendaklah ungkapan yang paling singkat, maknanya tidak menyimpang dan konotasi yang digunakan baik dan sedap didengar. Manakala istilah yang dibentuk daripada langkah 5-6 pula hendaklah merupakan ungkapan asing yang lebih sepadan, memudahkan pengalihan antara bahasa, dan memudahkan kesepakatan antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Pembentukan istilah berdasarkan langkah 5-6 pula dikenal pasti sebagai sering menimbulkan pergeseran makna antara istilah sumber dengan istilah sasaran yang tergubal jika proses penterjemahan tidak dilakukan dengan teliti (Junaini et al. 2014). Berdasarkan kajian dan penilaian yang telah dilakukan, baik oleh pengguna istilah mahupun penggubal istilah sendiri, *Pedoman Umum Pembentukan Istilah* (Dewan Bahasa dan Pustaka 2004) telah ditinjau semula.

#### KESIMPULAN

Bidang terjemahan dalam media massa, terutama penggunaan BERNAMA Arab ini perlu diberikan perhatian yang sewajarnya dari hari ke hari. Dengan perkembangan bidang penterjemahan bahasa

Arab ini, taraf pendidikan negara juga semakin berkembang meluas. Ia bukan sahaja berguna dalam membangunkan sesebuah negara, malah juga turut berguna dalam bidang lain. Ini kerana kajian istilah merupakan satu bidang yang amat penting dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat.

Kajian istilah ialah satu bidang kajian yang amat mencabar kepada penterjemah kerana memerlukan kebolehan dan kreativiti yang tertentu yang tidak ada pada semua orang. Dalam melakukan penterjemahan istilah, beberapa teknik diperlukan agar dapat melakukan terjemahan dengan baik sekali. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat memberi pemahaman dan kebaikan serta dapat membantu orang ramai dalam menambahkan perbendaharaan kata serta istilah yang digunakan dalam menyampaikan berita bahasa Arab dalam pelbagai bidang. Selain itu juga, dalam mendalami istilah yang diguna pakai dalam bahasa Arab, masyarakat turut dapat menambahkan perbendaharaan kata dalam bahasa Inggeris sekiranya didedahkan dalam bahasa tersebut dan seterusnya dapat menguasai ketiga-tiga bahasa yang indah ini, terutama bahasa Arab.

#### RUJUKAN

- Abd Halim Mohamad. 2009. Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic in Arabic Education* 1(1): 1-14.
- Amiruddin Sharif. 2009. Terjemahan istilah dan petikan pilihan tentang pelancongan. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anida Abd Rahim. 2003. Strategi pembelajaran bahasa arab dalam kalangan pelajar Melayu. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Asmah Omar. 2002. Peristilahan bahasa Melayu: Pengalaman Malaysia. Kertas Kerja Sempena Majlis Perisytiharan Istilah Bahasa Melayu Pengisi Kepustakaan Ilmu Abad ke-21. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 11 April.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2004. *Pedoman pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. 2000. Dasar bahasa dan pembangunan negara. <http://www.tranungkite.net/lama/b05/dasarbahasa.pdf>
- <http://www.bernama.com/>
- <http://www.scribd.com/doc/232840867/Pedoman-Umum-Pembentukan-Istilah-2007->
- Intan Nurul Izza Taharin. 2009. Terjemahan petikan akhbar Arab pilihan mengenai politik serta ulasannya. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,

- Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaini Kasdan. 2007. Perbezaan tahap ketelusan morfosemantik antara istilah teknologi maklumat Malaysia dengan Indonesia dalam MABBIM. Tesis Sarjana Persuratan. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa & Mohamed Roshimi Shahor. 2014. Kaedah alternatif membentuk padanan istilah: Suatu pendekatan sosioterminologi. *Proceeding of the Symposium of International Language & Knowledge (SiLK) 2014*, hlm. 1-5.
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2007. Penggunaan strategi pembelajaran di kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mastura Arshad & Kaseh Abu Bakar. 2012. Penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*, hlm. 139-155.
- Mohd Jamil Abdullah. 1979. *Penterjemahan dalam Kewartawanan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Nur Aini Abdul Rashid. 2008. Berita berbahasa Arab di internet: Kajian kursus berita dari Bernama. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Syh Noorul Madiah Syed Husin & Sumayyah Abdul Aziz. 2014. Pengetahuan pelajar UniSZA terhadap istilah bahasa Arab dalam bidang fikah. *O-jIE: The Online Journal Of Islamic Educations* 2(1): 38-50.
- Zulkifli Mohammad al-Bakri. 2010. *Istilah-istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Zuraini Hamisan. 2002. Peminjaman istilah bahasa Arab dalam bahasa Melayu: Satu kajian kes. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.
- Noor Syafiqah Ahamadi Palah  
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA
- Zamri Arifin  
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
abuzaim@ukm.edu.my